

Tiada kompromi pemandu e-Hailing tiada lesen PSV

KUALA LUMPUR : Kerajaan tetap melaksanakan peraturan ke atas pemandu dan kenderaan e-hailing, yang tidak mematuhi peraturan bermula 12 Julai depan. Pengendali dan pemandu e-hailing juga digesa memberikan kerjasama, serta mengikuti arahan yang dikeluarkan.

Bermula 1 April lalu, pemandu e-hailing yang memenuhi syarat perlu memohon lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV), dengan mendaftar di Institut Memandu dan Pusat Latihan Memandu E-hailing Operator (eHO) yang diiktiraf Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Pelaksanaan itu membabitkan pemandu dan kenderaan e-hailing yang bertindak sebagai kenderaan perkhidmatan awam. Bagaimanapun, peraturan baharu itu memdapat tentangan segelintir pemandu dan pengendali e-hailing, yang mendakwa ia membebankan dari segi kos bagi mendapat lesen PSV.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata pengendali dan pemandu e-hailing perlu melihat daripada perspektif yang berbeza dan jangka masa panjang.

Beliau berkata, semua pemandu perlu mendaftar dan mematuhi peraturan ditetapkan, serta memberi kerjasama menyeluruh.

Katanya, tidak dinafikan permohonan lesen PSV itu akan meberikan kesulitan kepada pemandu, tetapi perkara itu dilakukan sekali sahaja. "Memang nampak sukar, tetapi ianya dibuat sekali sahaja, bukannya setiap bulan. Mereka perlu lihat kepada manfaat jangka panjang.

"Kerajaan mahu menyelaraskan industri itu dan tidak mahu e-hailing terus menjadi perniagaan yang tidak diiktiraf, selain bagi memastikan keselamatan pemandu dan penumpang.

"Kerajaan akan terus memantau perkara ini dan pemandu e-hailing tidak kira sepenuh masa atau separuh masa, jika mereka memandu kenderaan e-hailing, semua diwajibkan mendapatkan lesen PSV. Jangan tunggu saat akhir," katanya selepas melancarkan teknologi pengecaman wajah Grab Malaysia, di sini semalam.

Loke berkata, ketika ini sebanyak 25 pengendali e-hailing sudah mengemukakan permohonan PSV, yang mana 16 pengendali sudah diberikan kelulusan, manakala dua pengendali ditolak permohonannya. Bagi pemandu e-hailing pula, pihaknya sudah menerima lebih daripada 1,000 permohonan.

Sementara itu, Loke berkata, pindaan peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi membenarkan pemandu orang kurang upaya (OKU) menjadi pemandu perkhidmatan e-hailing, dijangka siap pada Mei ini.

Beliau berkata, selepas pindaan itu disiapkan, pemandu OKU e-hailing boleh memohon lesen PSV. Katanya, ketika ini pemandu OKU e-hailing sekitar 400 orang dan pindaan peraturan itu perlu dibuat, bagi memastikan kelangsungan kerjaya mereka.